

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Harga barang dijangka turun 3 peratus tahun ini

Harga barang dijangka turun 3 peratus tahun ini

Harga barangan dan perkhidmatan berkemungkinan turun sebanyak tiga peratus tahun ini berikutan penyusutan permintaan akibat kekangan kewangan pengguna.

Menurut TA Securities dalam nota penyelidikannya baru-baru ini, memandangkan inflasi teras telah mencapai kemuncak baharu pada 4.2 peratus tahun ke tahun (yoy), pihaknya percaya Bank Negara Malaysia (BNM) berkemungkinan akan menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas lagi dalam mesyuarat Januari yang dijadualkan pada 18 hingga 19 Januari ini.

"Satu lagi kenaikan kadar turut dijangka dalam mesyuarat Mac, mendorong kadar dasar semalaman (OPR) untuk dinaikkan pada 3.25 peratus.

"Ini boleh menyebabkan perbelanjaan rakyat Malaysia menjadi lebih ketat, sekali gus mengurangkan permintaan untuk barangan, dan akhirnya me-

ngundang kepada harga yang lebih rendah. Akibatnya, harga boleh turun sekitar 3.0 peratus tahun ini," katanya.

Pertumbuhan sederhana

Tambah firma penyelidikan itu, jangkaan bahawa subsidi bahan api akan diteruskan, bersama-sama dengan pengukuhan Ringgit, yang diunjurkan pada RM4.35 sedolar AS, dan harga komoditi yang normal, juga akan menyumbang kepada pertumbuhan tahunan yang sederhana.

"Selain itu, melihat kepada bagaimana harga terus meningkat, unjuran kami (kadar inflasi) 3.1 peratus untuk tahun ini tidak mungkin menjadi kenyataan. Ia sepatutnya hampir dengan angka awal tahun lalu sehingga 27 Disember 2022 iaitu sebanyak 3.4 peratus," katanya.

Indeks Harga Pengguna (CPI) utama Malaysia meningkat sebanyak 4.0 peratus yoy kepada 129 mata pada November 2022, kadar

yang sama dilihat pada bulan sebelumnya, katanya.

"Kenaikan itu mengatasi jangkaan kami dan ramalan konsensus masing-masing 3.5 peratus dan 3.9 peratus YoY.

"Harga makanan terutamanya terus menjadi punca utama peningkatan kadar inflasi, diikuti oleh kos segmen pengangkutan yang lebih tinggi.

"Selain itu, komponen lain juga menunjukkan kenaikan kos hasil daripada permintaan domestik yang bertambah baik, seperti restoran & hotel dan perkhidmatan & budaya rekreasi," katanya.

Tambah firma penyelidikan itu, inflasi utama meningkat sebanyak 0.3 peratus daripada 128.6 mata pada Oktober perbandingan bulanan.

"Dari segi trend, inflasi November menandakan bulan kedua puluh berturut-turut melepasi purata inflasi Malaysia sebanyak 2.0 peratus yoy dari Januari 2010 hingga November 2022," katanya.



Harga makanan terus jadi punca utama peningkatan kadar inflasi, diikuti kos segmen pengangkutan yang tinggi. (Foto hiasan)